

NO. SOALAN: 446

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

RUJUKAN : 7310

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak pembiayaan kerajaan akan diperuntukkan setiap tahun kepada "Police Cyber Investigation Response Centre", dan tujuan baginya unit khas ini telah ditubuhkan.

JAWAPAN:

PCIRC (*Police Cyber Investigation Response Centre*) merupakan sebuah unit yang ditubuhkan di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia.

Mula penubuhannya pada 1 April 2008 dengan kekuatan seramai 25 orang pegawai dan 13 orang anggota serta diketuai oleh seorang pegawai polis berpangkat Superitenden.

Sehingga September 2014 sejumlah RM23 juta peruntukan telah diluluskan kepada PCIRC bagi melengkapkan peralatan dan perisian bagi memenuhi keperluan penugasan.

Tujuan unit PCIRC ditubuhkan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta penguatkuasaan bagi mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam serta melakukan pemantauan dan pengawasan internet yang melibatkan laman web/blog/media sosial di internet.